



DPN 2020 - 2030

INDUSTRI pelancongan merupakan satu daripada industri yang penting dalam menjana pendapatan sesebuah negara. Kemajuan industri pelancongan di Malaysia sebagai sebuah negara di benua Asia dan rantau Asia Tenggara yang memiliki keunggulan sejarah, kepelbagaian budaya dan keindahan alam semula jadi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka di dunia.

Kemajuan industri pelancongan di Malaysia telah mengambil peranan lebih besar dalam merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia bermula daripada Rancangan Malaysia Kelapan hingga ke Rancangan Malaysia ke-11. Pelbagai inisiatif disediakan oleh kerajaan ke arah meningkatkan industri pelancongan di Malaysia menerusi pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020.

Pelaksanaan DPN 2020 telah diumumkan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi, yang menyatakan bahawa pelaksanaan DPN 2020 merupakan dasar dan hala tuju baharu yang diperkenalkan oleh kementeriannya bagi memperkukuh dan memartabatkan industri pelancongan negara memandangkan sektor pelancongan di Malaysia merupakan sektor yang paling banyak menyumbang kepada pendapatan negara.

Kerajaan sememangnya komited dalam mengukuh dan memartabatkan industri pelancongan di Malaysia, selain memastikan semua kategori pelancong bebas untuk melancong ke Malaysia dengan selamat dan selesa berpandukan prinsip "*Tourism for All—Promoting Universal Accessibility*" oleh United Nations World Tourism Organisation (UNWTO). Oleh hal yang demikian, DPN 2020 menetapkan satu daripada kriteria di bawah Pengelasan Premis Penginapan Pelancong dengan satu bilik yang dilengkapi dengan kemudahan untuk orang kelainan upaya (OKU) hendaklah disediakan oleh premis penginapan mengikut Akta OKU 2007. Malah, terdapat penetapan standard bagi setiap pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang perlu mematuhi Piawaian Malaysia MS1184 - *Universal Design and Accessibility in the Build of Environment*. Selain itu, terdapat pelbagai kelengkapan yang perlu dipasang dalam setiap projek pelancongan termasuk tanjakan, susur tangan, tempat letak kereta yang boleh diakses, papan tanda dan tandas yang mesra OKU.

"Pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 bagi menentukan hala tuju strategik pelancongan negara bakal dilaksanakan pada tahun 2020." Demikian ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, berkaitan dengan penggubalan DPN 2020-2030. Tambah beliau, penggubalan DPN 2020-2030 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia akan menjadi panduan kepada kerajaan dalam merancang pembangunan sektor pelancongan bagi mengoptimalkan potensi sektor pelancongan sebagai satu daripada pemacu pembangunan ekonomi Malaysia.

Tahun 2020 telah ditetapkan sebagai Tahun Melawat Malaysia yang menyasarkan ketibaan sebanyak 30 juta orang pelancong antarabangsa dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM100 bilion. Oleh hal yang demikian, bagi merencanakan lagi Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, kerajaan telah melancarkan bantuan peruntukan Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) kepada penggiat industri pelancongan di Malaysia.

Untuk rekod, kemajuan industri pelancongan di Malaysia hingga suku tahun pertama tahun 2019 kekal berada pada

landasan yang kukuh. Selain itu, permintaan terhadap pelancongan kembara, pelancongan budaya dan pelancongan makanan, selain pembukaan semua destinasi pelancongan baharu di Malaysia tidak berkurangan biarpun Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi global yang tidak menentu bermula dari tahun 2018 hingga tahun 2019. Statistik kedatangan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2019 telah berjaya merekodkan kadar kenaikan sebanyak 2.7 peratus bagi suku tahun pertama tahun 2019 dengan kadar kedatangan pelancong sebanyak 6.69 juta orang pelancong berbanding dengan kadar kedatangan pelancong sebanyak 6.52 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2019.

Kemajuan industri pelancongan di Malaysia akan mengekalkan jati diri dan identiti bangsa Malaysia sebagaimana yang dilaksanakan menerusi Festival Kraf Melaka 2019, Festival Kraf Tekstil Pantai Timur 2019, Hari Kraftangan Kebangsaan, Pesta Angin Timur Perlis 2019, dan Festival Permainan Malaysia@ Kuala Lumpur.

Kerajaan turut merangka insentif khusus bagi menarik pelaburan infrastruktur dan berteraskan teknologi digital ke arah memacu kemajuan sektor pelancongan Malaysia dalam DPN 2020. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan pembangunan teknologi digital dalam DPN 2020 merupakan satu daripada persediaan dan langkah ke arah mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Kemajuan industri pelancongan Malaysia bakal melaksanakan konsep digitalisasi menyeluruh dalam teknologi digital seiring dengan perubahan dalam industri pelancongan berkonsepkan pelancongan pintar dalam pelaksanaan DPN 2020-2030. Selain itu, menurut Tun Dr. Mahathir, kerajaan percaya bahawa keterangkuman spektrum digitalisasi dan teknologi digital akan dapat menyediakan keperluan

kepada penggiat sektor pelancongan ke peringkat antarabangsa, selain meluaskan perniagaan dan memendekkan tempoh rantaian bekalan untuk memastikan semua konsep digitalisasi menyeluruh dalam DPN akan mengubah industri pelancongan negara.

Kewujudan sebuah ekosistem pelaburan baharu sememangnya penting untuk persekitaran yang lebih kondusif bagi membolehkan industri pelancongan di Malaysia yang berteraskan teknologi pintar dapat memacu pelaksanaan DPN pada masa hadapan. Pelaburan dalam infrastruktur secara fizikal dan perisian pintar perlu seimbang dalam pelaksanaan DPN seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri dalam Ucaptama Perasmian Persidangan Pelancongan Sedunia 2019.

Pelaksanaan DPN 2020-2030 berbekalkan insentif berbentuk produk pelancongan yang lebih tidak ketara, seperti perolehan maklumat, penghasilan kandungan dan kewujudan platform dalam talian. Namun begitu, di balik usaha ke arah pembangunan dan kemajuan sektor pelancongan, persoalan mengenai aspek kelestarian budaya, warisan sejarah dan kelestarian alam sekitar tidak wajar diketepikan.

Pembangunan ekopelancongan yang mampan hasil daripada kekayaan ekopelancongan kini berkembang pesat untuk dimanfaatkan kepada masyarakat pelbagai suku etnik yang tinggal di pedalaman dalam menawarkan pengalaman unik kepada pelancong dalam negara dan luar negara. Kerajaan sedang membangunkan destinasi ekopelancongan berasaskan kelompok dengan tawaran pakej konsesi istimewa yang menyenaraikan penggunaan teknologi dan pengurusan destinasi pelancongan ekopintar yang sememangnya semakin mendapat tempat dalam destinasi pilihan pelancong dunia.

Tahun 2020 telah ditetapkan sebagai Tahun Melawat Malaysia yang menyasarkan ketibaan sebanyak 30 juta orang pelancong antarabangsa dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM100 bilion.